

Isu NFC: Shamsubahrin serah telefon kepada SPRM

PUTRAJAYA 7 Mac - Ahli perniagaan, Datuk Shamsubahrin Ismail, 46, yang didakwa menipu pengarah syarikat National Feedlot Corporation Sdn. Bhd. (NFC) hari ini menyerahkan telefon dan transkrip khidmat pesanan ringkas (SMS) yang didakwanya mengandungi bukti dia diarah merasuah polis bagi menutup penyiasatan NFC.

Shamsubahrin yang ditemani empat peguam menyerahkan bukti berkenaan dan memberi ketera-

ngan selama sejam di ibu pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sini.

Dalam kenyataan ringkasnya kepada pemberita, Shamsubahrin memberitahu, dia tidak bersalah dan berharap SPRM akan membuat siasatan secara adil.

"Tujuan saya datang ialah untuk menyerahkan bahan bukti yang menunjukkan saya tidak menipu Pengarah NFC, Datuk Seri Dr. Mohamad Salleh Ismail, saya berharap SPRM akan menyiasat secara

adil," katanya.

Dalam pada itu, peguam yang mewakili Shamsubahrin, N. Surendran, berkata, bukti dalam bentuk sms yang diserahkan hari ini dapat membuktikan terdapat individu penting dalam NFC yang cuba memberi rasuah kepada polis.

"Kami berharap siasatan dapat dijalankan dengan segera supaya Shamsubahrin tidak teraniaya," katanya.

Sementara itu, Surendran berkata, pihaknya kecewa apabila

SPRM enggan membenarkan para peguam menemani Shamsubahrin ketika keterangannya diambil.

"Masing-masing enggan bertolak ansur selama 45 minit dan akhirnya SPRM membenarkan para peguam memerhati proses pengambilan keterangan dari luar bilik.

"Keadaan ini menunjukkan SPRM tidak menghormati undang-undang dan kami akan memaklumkan perkara ini kepada Majlis Peguam," katanya.